

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 JUN 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12

KR dilancar bagi pembangunan projek infrastruktur kecil



IKR dilancar bagi pembangunan projek infrastruktur kecil

PUTRAJAYA - Kementerian Ekonomi membanangkan Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) dengan peruntukan RM500 juta bagi membiayai pelaksanaan projek infrastruktur kecil di kawasan setempat, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.



RAFIZI

Beliau berkata, IKR merupakan bantuan kerajaan Persekutuan bertujuan mendemokrasi-dan dana kerajaan dalam membiayai pelaksanaan projek kecil seperti baik pulih dewan atau menutup jalan rosak yang akan dikawal selia oleh kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Menurutnya, IKR tertakluk kepada beberapa kriteria antaranya projek kecil yang dimohon harus memberi manfaat segera kepada masyarakat, kos projek tidak melebihi RM200,000 dan projek berkenaan tidak bertindih dengan projek yang telah menerima kelulusan peruntukan daripada agensi lain.

"Projek-projek penyelenggaraan semakin kurang peruntukan kebelakangan ini kerana peruntukan tertumpu kepada tanggungan hutang projek besar.

"Sebab itu dengan IKR, Kementerian Ekonomi memperuntukkan lebih banyak dana untuk penyelenggaraan yang akan beri kesan segera kepada rakyat dan kemudahan awam," katanya dalam sidang media selepas melancarkan IKR di sini pada Selasa.

Rafizi berkata, sekurang-kurangnya 2,500 projek kecil dapat dilaksanakan menerusi IKR dan pelaksanaannya akan dipantau rapi, selain peruntukan akan ditambah jika perlu. - *Bernama*